



## **SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC)**

**DOKUMEN SEBUT HARGA**

**UNTUK**

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PEMBANGUNAN DAN  
PELAKSANAAN SISTEM PERAKAUNAN DAN KEWANGAN  
BERKOMPUTER (*SAGA*) BAGI SURUHANJAYA PERSAINGAN  
MALAYSIA (MyCC)**

**SEBUT HARGA MyCC(S) BIL : 3/2020**

**DISEDIAKAN OLEH :**

**SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC)  
Level 15 Menara SSM@Sentral,  
No. 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral,  
50623 Kuala Lumpur.  
TEL: 03-2273 2277  
FAX: 03-2272 2293**

**Peringatan :**

PENYEBUT HARGA DIKEHENDAKI **MEMBACA DAN MEMAHAMI** KESELURUHAN BUTIR-BUTIR YANG TERKANDUNG DI DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA SEBELUM MENGEUKAKAN TAWARAN SEBUT HARGA. PENYEBUT HARGA YANG MEMBUAT SEBUT HARGA TIDAK MEMATUHI MANA-MANA FASAL DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.

## **ISI KANDUNGAN**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.0	KENYATAAN SEBUTHARGA	3
2.0	ARAHAN/SYARAT-SYARAT AM KEPADA PETENDER	4
3.0	PEMBETULAN DAN PINDAAN KESILAPAN	5
4.0	MAKLUMAT DAN PENGALAMAN SYARIKAT	5
5.0	PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA	5
6.0	PERTANYAAN	7
7.0	HARGA TAWARAN	7
8.0	MENARIK BALIK TAWARAN / MENOLAK BALIK TAWARAN	7
9.0	TEMPOH SAH LAKU TAWARAN	8
10.0	SURAT SETUJU TERIMA SEBUTHARGA	8
11.0	KONTRAK	8
12.0	DUTI SETEM	8
13.0	PERINGATAN MENGENAI RASUAH	8
14.0	PENERIMAAN SEBUTHARGA	9
15.0	SYARAT-SYARAT TAMBAHAN	9

<b>LAMPIRAN</b>	<b>NAMA LAMPIRAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
LAMPIRAN A1	MUKA DEPAN DAN SENARAI SEMAK DOKUMEN MANDATORI UNTUK KATEGORI TEKNIKAL	10
LAMPIRAN A2	SURAT AKUAN PEMBIDA	12
LAMPIRAN A3	JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI TEKNIKAL	13
LAMPIRAN A4	CADANGAN JADUAL PELAKSANAAN	26
LAMPIRAN B1	MUKA DEPAN DAN SENARAI SEMAK DOKUMEN MANDATORI UNTUK KATEGORI KEWANGAN	27
LAMPIRAN B2	SALINAN SIJIL AKAUN PENDAFTARAN DARI KEMENTERIAN KEWANGAN (BEKALAN/PERKHIDMATAN)	29
LAMPIRAN B3	SALINAN SALINAN SIJIL AKAUN BUMIPUTERA DARI KEMENTERIAN KEWANGAN SEKIRANYA ADA	30
LAMPIRAN B4	LAMPIRAN Q	31
LAMPIRAN B5	BORANG KETERANGAN MENGENAI PEMBEKAL	35
LAMPIRAN B6	JADUAL HARGA SEPESIFIKASI REKABENTUK	38
LAMPIRAN B7	SALINAN PENYATA KEWANGAN BAGI TIGA (3) BULAN TERAKHIR	40
LAMPIRAN B8	SENARAI NAMA PROJEK YANG PERNAH DILAKSANAKAN	41
LAMPIRAN C	PENGENALAN DAN TEMPOH PELAKSANAAN	42

Semua penyebut harga hendaklah mematuhi semua syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam dokumen pelawaan ini, melainkan setakat mana syarat-syarat tersebut ditolak atau diubah oleh pihak SURUHANJAYA.

## **1.0 KENYATAAN SEBUTHARGA**

### **1.1 Tujuan Sebutharga**

- 1.1.1 Sebut harga ini adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat dalam bidang perkhidmatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan masih dibenarkan untuk membuat sebut harga pada masa ini untuk perkhidmatan yang tersebut di atas.
- 1.1.2 Penyebut harga dikehendaki membekalkan perkhidmatan promosi dan pengiklanan.
- 1.1.3 Pelawaan ini adalah terikat kepada arahan-arahan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

### **1.2 Tempoh Sebutharga**

- 1.2.1 Tempoh Sebut Harga bagi perolehan ini adalah selama **8 hari kalender bermula pada 3hb November 2020 (Selasa) dan tarikh tutup sebut harga adalah pada 10hb November 2020 (Selasa).**
- 1.2.2 Penyebut Harga hendaklah mengemukakan tawaran **sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari pada 10hb November 2020 (Rabu)**. Tawaran yang dikemukakan selepas jam 12.00 tengah hari **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.

## **2.0 ARAHAN/SYARAT-SYARAT AM KEPADA PENYEBUT HARGA**

**Penyebut Harga hendaklah mematuhi sepenuhnya syarat-syarat ini apabila menyertai sebut harga.**

### **2.1 KELAYAKAN UNTUK MEMASUKI SEBUT HARGA**

- 2.1.1 Semua syarikat-syarikat yang hendak menyertai sebut harga ini hendaklah terlebih dahulu **berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kod bidang **Perkhidmatan** seperti berikut:
  - i. **210101 : Hardware (low end technology)- Supply all types of computer hardware including PC, notebook, printer, document scanner, peripherals and maintenance;** dan / atau
  - ii. **210102 : Hardware (high end technology)- All types of server, mainframe, high end printers, storage area network (SAN, NAS) including maintenance;** dan / atau
  - iii. **210103 : Software – Supply all computer software, operating system, database, off-the shelf packages including maintenance;** dan / atau
  - iv. **210104 : Software/System Development/Customization and Maintenance including data entry, data processing;** dan / atau
  - v. **210105 : Telecommunication/networking- Supply product, infrastructure, services including maintenance (LAN/WAN/Internet/wireless/satellite)**
- 2.1.2 Salinan surat Pendaftaran Kementerian Kewangan hendaklah disertakan bersama-sama dengan tawaran. Jika tempoh pendaftaran telah ataupun hampir tamat, penyebut harga hendaklah mengemukakan salinan surat daripada Kementerian Kewangan yang menyatakan bahawa permohonan untuk lanjutan telah dibuat.
- 2.1.3 Penyebut harga ini adalah terbuka kepada syarikat-syarikat **bertaraf bumiputera** ataupun **bukan bumiputera**. Bagi syarikat yang bertaraf bumiputera, salinan Sijil Taraf Bumiputera daripada Kementerian Kewangan hendaklah disertakan bersama-sama dengan tawaran.
- 2.1.4 Sebut harga hendaklah dibuat di atas borang-borang yang telah disediakan (selepas ini dipanggil "Dokumen Sebut harga"). Borang-borang lain tidak diterima kecuali sebagai tambahan kepada borang asal yang mengandungi ruang-ruang yang sama dan serupa dari segi ukurannya.
- 2.1.5 Penyebut Harga mestilah mempunyai kedudukan kewangan yang

kukuh dan memiliki pengalaman dalam kajian berkaitan;

- 2.1.6 Penyebut Harga hendaklah mematuhi semua syarat dan terma yang ditetapkan apabila menyertai Sebut Harga. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat dan terma yang ditetapkan boleh menyebabkan penyertaan Penyebut Harga ditolak;

### **3.0 PEMBETULAN DAN PINDAAN KESILAPAN**

- 3.1 Semua pembetulan / pindaan ke atas kesilapan – kesilapan yang dibuat hendaklah ditandatangani secara ringkas oleh orang yang menandatangani Dokumen Penyebut harga serta dicop dengan Cop Syarikat penyebut harga. Tandatangan ringkas dan pembetulan hendaklah dibuat dengan jelas dan setentang dengan kesilapan yang dibetulkan atau dipinda.

### **4.0 MAKLUMAT DAN PENGALAMAN SYARIKAT**

- 4.1 Penyebut Harga perlu menyediakan maklumat mengenai syarikat dengan melengkapkan **Lampiran B5** dan menyertakan **Profil Syarikat**.
- 4.2 Penyebut Harga perlu menyatakan pengalaman syarikat dalam perkhidmatan yang tersebut di atas dengan mengemukakan nama-nama dan alamat syarikat atau agensi yang terlibat. (**Lampiran B8**)

### **5.0 PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA**

- 5.1 Tawaran Sebut harga yang diserahkan hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:

i. **Kategori Teknikal**

- (a) SATU (1) **DOKUMEN ASAL** berbentuk *hard copy* dan DUA (2) **DOKUMEN SALINAN** berbentuk *hard copy*.
- (b) Semua dokumen sokongan termasuk borang-borang yang telah lengkap diisi hendaklah dijilidkan bersama dengan Tawaran Teknikal secara *ring bounded* agar tersusun rapi dan tiada kecinciran maklumat.
- (c) Ketiga-tiga Tawaran Teknikal di atas hendaklah diikat bersekali dan dibalut dengan *brown paper* serta hendaklah ditandakan **“Kategori Teknikal”** di sebelah kiri atas sampul berkenaan.

ii. **Kategori Kewangan**

- (a) SATU (1) **DOKUMEN ASAL** berbentuk *hard copy* dan DUA (2) **DOKUMEN SALINAN** berbentuk *hard copy*.
  - (b) Semua dokumen sokongan termasuk borang-borang yang telah lengkap diisi hendaklah di jilidkan bersama dengan Tawaran Harga secara *ring bounded* agar tersusun rapi dan tiada keciciran maklumat.
  - (c) Ketiga-tiga Tawaran Harga di atas hendaklah diikat bersekali dan dibalut dengan *brown paper* serta hendaklah ditandakan "**Kategori Kewangan**" di sebelah kiri atas sampul berkenaan.
- 5.2 Kedua-dua Kategori Teknikal dan Kategori Kewangan di atas hendaklah disertakan dengan **DOKUMEN SOKONGAN** yang mengandungi:  
**Sijil Pendaftaran Kewangan, Pendaftaran Taraf Bumiputera (sekiranya ada), Profil Syarikat, Penyata Bank bagi tiga (3) bulan terakhir dan lain-lain maklumat tambahan** berkaitan **DAN** dimasukkan ke dalam satu sampul bersaiz besar yang berlakri (*sealed*). Sampul/kotak berkenaan hendaklah ditulis seperti berikut:

**BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN  
SURUHANJAYA PERSAINGAN (MyCC)**  
**Level 15 Menara SSM@Sentral,  
No. 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral,  
50623 Kuala Lumpur.**

**MyCC(S) Bil:3/2020**

- 5.3 Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen Sebut Harga yang lengkap dan sempurna diisi secara **SERAHAN TANGAN** ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan sebelum tarikh dan waktu tutup Sebut Harga seperti di alamat berikut:

**BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN  
SURUHANJAYA PERSAINGAN (MyCC)**  
**Level 15 Menara SSM@Sentral,  
No. 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral,  
50623 Kuala Lumpur.**

- 5.3 Serahan Dokumen Sebut Harga secara pos/kurier/emel/faks **Tidak Akan Dipertimbangkan**.
- 5.4 Semua dokumen dan *CD* yang dikemukakan bersama Dokumen Sebut Harga oleh Penyebut Harga adalah menjadi hak milik SURUHANJAYA dan tidak akan dikembalikan.

- 5.5 SURUHANJAYA tidak terikat untuk menerima Tawaran Sebut Harga yang terendah atau mana-mana Tawaran Sebut Harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan tersebut. SURUHANJAYA juga berhak menerima keseluruhan atau sebahagian daripada Cadangan Sebut Harga dan keputusan SURUHANJAYA adalah muktamad.
- 5.6 **Tarikh tutup** bagi mengemukakan tawaran ialah pukul **12.00 tengahari**, pada **10 November 2020 (Selasa)**.
- 5.7 Pihak Suruhanjaya berhak menolak mana-mana dokumen yang tidak lengkap atau lewat diterima.

## **6.0 PERTANYAAN**

- 6.1 Sebarang pertanyaan mengenai sebut harga ini bolehlah menghubungi pegawai yang berkenaan seperti di bawah:

**Puan Assniza Nur Binti Khairul Annuar**

**Tel: 03-2273 2277**

**Emel: [assniza@mycc.gov.my](mailto:assniza@mycc.gov.my)**

ATAU

**Puan Rafidah Binti Abd Rahman**

**Tel: 03-2273 2277**

**Emel: [rafidah@mycc.gov.my](mailto:rafidah@mycc.gov.my)**

## **7.0 HARGA TAWARAN**

- 7.1 Harga-harga yang ditawarkan dalam sebut harga ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas sebut harga ditutup akan berkuatkuasa selama dalam tempoh sahlaku sebut harga. Harga yang ditawarkan oleh penyebut harga yang berjaya hendaklah dipatuhi sepanjang masa kontrak berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan.

## **8.0 MENARIK BALIK TAWARAN / MENOLAK TAWARAN**

- 8.1 Penyebut harga tidak boleh menarik balik tawaran sebelum sebut harga dipertimbangkan atau menolak tawaran dibuat. Jika penyebut harga menarik diri atau menolak tawaran, nama penyebut harga akan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk tindakan tatatertib, termasuk penggantungan pendaftaran.

## **9.0 TEMPOH SAH LAKU TAWARAN**

- 9.1 Tempoh sah laku sebut harga ini ialah selama 90 hari bermula daripada tarikh sebut harga ditutup. Tempoh ini boleh dengan persetujuan bersama dilanjutkan jika dan apabila perlu.

## **10.0 SETUJU TERIMA SEBUT HARGA**

- 10.1 Suruhanjaya tidak terikat dengan sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga jua pun. Keputusan sebut harga adalah muktamad. Suruhanjaya tidak akan melayan sebarang surat-menyurat yang berupa rayuan dari penyebut harga berkenaan atas sebab-sebab sebut harga mereka tidak berjaya.
- 10.2 Penyebut harga yang berjaya dikehendaki menandatangani satu perjanjian kontrak dengan Suruhanjaya dan adalah terikat dengan syarat dan termasuk yang terkandung dalam Perjanjian tersebut.

## **11.0 KONTRAK**

- 11.1 Surat perjanjian tidak akan diadakan bagi kontrak yang bernilai kurang daripada RM50,000.00 sementara bagi kontrak yang bernilai lebih daripada RM50,000.00 satu perjanjian akan diadakan. Penyebut harga yang berjaya adalah terikat dengan syarat-syarat perjanjian tersebut. Sebarang pindaan terhadap dokumen kontrak akan diberitahu kelak. Syarat-syarat dalam penentuan sebut harga dan syarat-syarat dalam surat tawaran adalah menjadi sebahagian daripada syarat-syarat kontrak.
- 11.2 Bagi kontrak bermasa (*time contract*), jumlah kuantiti adalah anggaran sahaja bagi tempoh kontrak yang ditetapkan.
- 11.3 Penyebut harga yang berjaya dikehendaki menyediakan kontrak asal serta salinan-salinan fotostat kontrak yang mana segala perbelanjaan tersebut adalah ditanggung oleh penyebut harga.

## **12.0 DUTI SETEM**

- 12.1 Mana-mana duti setem yang perlu dibayar dan perbelanjaan yang berbangkit mengenai perjanjian ini akan ditanggung oleh penyebut harga.

## **13.0 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH**

- 13.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawarkan atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 13.2 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada sebarang

barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkantuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

#### **14.0 PENERIMAAN SEBUT HARGA**

- 14.1 Suruhanjaya berhak menerima kesemua atau sebahagian daripada spesifikasi/skop bekalan/perkhidmatan/kerja yang telah ditawarkan daripada mana-mana tawaran sebut harga.

#### **15.0 SYARAT-SYARAT TAMBAHAN**

Syarat –syarat tambahan ini adalah menjadi sebahagian daripada syarat-syarat kontrak.

##### **15.1 PEMBAYARAN**

- 15.1.1 Pembayaran bagi perkhidmatan ini akan dibuat berdasarkan invois yang telah disahkan oleh Suruhanjaya Persaingan berserta dengan salinan akaun bank syarikat.

**DOKUMEN ASAL / SALINAN NO. DARIPADA 2**  
*(sila potong sama ada dokumen asal atau salinan. Jika salinan, sila nomborkan salinan)*

**KATEGORI TEKNIKAL**

**MUKA DEPAN DAN SENARAI SEMAK DOKUMEN MANDATORI UNTUK  
KATEGORI TEKNIKAL**

Senarai semak berikut perlulah dimasukkan sebagai MUKA DEPAN di dalam Kategori Teknikal. Penyebut Harga hendaklah memastikan Kategori Teknikal adalah lengkap merangkumi semua item-item yang dinyatakan di bawah. Kegagalan Penyebut Harga melaksanakan demikian akan mengakibatkan Tawaran Sebut Harga Tidak Akan Dipertimbangkan.

No.	NO SIRI DOKUMEN PELAWAAN: MyCC(S), Bil.3/2020 <i>(sila isi no. siri di atas seperti yang tertera di muka depan dokumen pelawaan)</i>			
	Dokumen Yang Perlu Diserahkan	Sila Tanda (✓)		
		Ditanda oleh Penyebut Harga	Ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga	Muka Surat di Tawaran Teknikal
1.	Surat Akuan Pembida yang telah dilengkapan dan ditandatangani <b>Lampiran A2</b>			
2.	Jadual Teknikal Spesifikasi Rekabentuk yang telah diisi dan dilengkapan ( <b>Lampiran A3</b> )			
3.	Cadangan Jadual Pelaksanaan dilabelkan <b>Lampiran A4</b>			

## **PENGESAHAN OLEH PENYEBUT HARGA**

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat yang dinyatakan di atas dan semua maklumat yang dikemukakan adalah benar dan lengkap.

.....  
Nama Prinsipal : .....

No. K.P : .....

Tarikh : .....

Cop Syarikat : .....

**SURAT AKUAN PEMBIDA**

Bagi

**Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Pembangunan dan Pelaksanaan Sistem Perakaunan dan Kewangan Berkomputer (SAGA) bagi Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

**SEBUT HARGA MyCC(S) BIL.3/2020**

Saya, (*Nama Wakil Syarikat*) \_\_\_\_\_ nombor kad pengenalan \_\_\_\_\_ yang mewakili (*Nama Syarikat*) \_\_\_\_\_ no.pendaftaran (*MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB*) \_\_\_\_\_ dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawarkan atau member rasuah kepada mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau member rasuah kepada mana-mana individu dalam Suruhanjaya Persaingan Malaysia atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:-

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak sebut harga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi sebut harga di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang benar,

.....  
Nama:  
No. Kad Pengenalan:

Cop Syarikat:

**JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI TEKNIKAL**

BIL.	KETERANGAN SPESIFIKASI	PEMATUHAN (YA/TIDAK)	CADANGAN PENYEBUT HARGA  (SILA PERINCIKAN)  Cth: Ambil Maklum, Memahami, Bersetuju, Seperti Dinyatakan
<b>1.0</b>	<b>PERNYATAAN AM</b>		
1.1	Penyebut Harga WAJIB mengisi semua medan PEMATUHAN dan CADANGAN PENYEBUTHARGA dengan lengkap dan sempurna. Sekiranya tiada, isikan, "TIADA".		
1.2	Penyebut Harga WAJIB menyediakan perincian dalam medan CADANGAN PENYEBUT HARGA. Penggunaan istilah seperti "AMBIL MAKLUM", "MEMAHAMI", "BERSETUJU", "SEPERTI DINYATAKAN" atau apa jua istilah/ayat yang ditakrifkan sebagai bukan perincian cadangan adalah tidak akan diterima dan menyebabkan cadangan Penyebut Harga ditolak. Sekiranya ruang tidak mencukupi, sila kemukakan lampiran tambahan dalam format medan yang sama.		
1.3	Penyebut Harga, WAJIB memberikan perhatian khusus kepada kesempurnaan perkhidmatan dan perisian yang ditawarkan merangkumi semua komponen yang diperlukan bagi melengkapkan sistem kerja, sama ada jelas dinyatakan dan diperincikan di dalam spesifikasi ini atau tidak. Jika ada, komponen tersebut hendaklah diperincikan dalam Skop Kerja dan Jadual Spesifikasi Teknikal, Jadual Kuantiti dan Jadual Harga. Sekiranya tidak dinyatakan atau tertinggal dari Skop Kerja		

<b>BIL.</b>	<b>KETERANGAN SPESIFIKASI</b>	<b>PEMATUHAN (YA/TIDAK)</b>	<b>CADANGAN  PENYEBUT HARGA (SILA PERINCIKAN)</b>  <b>Cth: Ambil Maklum, Memahami, Bersetuju, Seperti Dinyatakan</b>
	dan Jadual Spesifikasi Teknikal, Jadual Kuantiti dan Jadual Harga, tetapi kemudiannya didapati perlu bagi kesempurnaan dan fungsi sesuatu perisian, maka kos tersebut akan ditanggung sepenuhnya oleh Penyebut Harga.		
1.4	Cadangan Penyebut Harga yang memberikan maklumat palsu atau membuat percubaan untuk menipu Suruhanjaya tidak akan dipertimbangkan untuk penilaian.		
1.5	Cadangan Penyebut Harga adalah tidak lengkap sekiranya meninggalkan mana-mana medan tanpa sebarang maklumat, dan cadangan tersebut tidak akan dipertimbangkan.		
<b>2.0</b>	<b>KEUPAYAAN PENYEBUTHARGA</b>		
2.1	Penyebut Harga, WAJIB mempunyai pengalaman dalam melaksanakan Sistem Perakaunan dan Kewangan yang mematuhi kriteria SAGA. Penyebut Harga perlu mengemukakan pengalaman kerja seperti di Lampiran B8.		
<b>3.0</b>	<b>TEMPOH PELAKSANAAN</b>		
3.1	Penyebut Harga WAJIB menyempurnakan pelaksanaan perolehan Sistem Perakaunan dan Kewangan (SAGA) selepas menandatangani Surat Setuju Terima. Jadual Pelaksanaan seperti dalam skop kerja (Lampiran C).		

BIL.	KETERANGAN SPESIFIKASI	PEMATUHAN (YA/TIDAK)	CADANGAN PENYEBUT HARGA (SILA PERINCIKAN)
3.2	Penyebut Harga WAJIB mencadangkan Jadual Pelaksanaan Projek secara terperinci (Carta Gantt) merangkumi semua proses kerja yang berkaitan seperti di Lampiran A4.		Cth: Ambil Maklum, Memahami, Bersetuju, Seperti Dinyatakan
<b>PROJEK MEMBANGUN, MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MELAKSANA, MENGKONFIGURASI, MENGUJI, MELATIH DAN MENTAULIAH SERTA MENYEDIAKAN KHIDMAT SOKONGAN SISTEM KEWANGAN YANG MEMENUHI KRITERIA STANDARD ACCOUNTING SYSTEM FOR GOVERNMENT AGENCIES (SAGA)</b>			
Penyebutharga adalah dikehendaki Membangun, Membekal, Menghantar, Memasang, Melaksana, Mengkonfigurasi, Menguji, Melatih dan Mentauliah Serta Menyediakan Khidmat Sokongan Sistem Kewangan Yang Memenuhi Kriteria <b>STANDARD ACCOUNTING SYSTEM FOR GOVERNMENT AGENCIES (SAGA)</b> mengikut spesifikasi yang ditetapkan seperti di bawah:			
<b>4.0</b>	<b>SKOP KERJA - KRITERIA PEMATUHAN SAGA (KRITERIA FUNGSIAN)</b>		
4.1	Sistem aplikasi perakaunan dan kewangan perlu mematuhi Prinsip Perakaunan Diterima Umum (General Accepted Accounting Principles) yang ditetapkan oleh mana-mana badan penetap piawaian.		
4.2	Sistem aplikasi perakaunan dan kewangan mesti berdasarkan perakaunan akruan.		
4.3	Sistem aplikasi perakaunan dan kewangan mempunyai Kod Carta Akaun yang fleksibel mengikut keperluan Agensi Kerajaan. Jenis Akaun bagi Kod Carta Akaun hendaklah terbahagi kepada Hasil, Belanja, Aset, Liabiliti dan Ekuiti.		
4.4	Transaksi kewangan boleh diperakaunkan pada setiap hari bagi menjana penyata kewangan.		

BIL.	KETERANGAN SPESIFIKASI	PEMATUHAN (YA/TIDAK)	CADANGAN PENYEBUT HARGA (SILA PERINCIKAN)  Cth: Ambil Maklum, Memahami, Bersetuju, Seperti Dinyatakan
4.5	Sistem aplikasi perakaunan dan kewangan bercirikan <i>single-point data entry</i> iaitu modul-modul dalam sistem aplikasi perakaunan dan kewangan mestilah berhubung kait (interoperability). Sistem sokongan berkaitan data kewangan mestilah berintegrasi dengan sistem aplikasi perakaunan dan kewangan secara harian.		
4.6	Penambahan dan pengurangan modul boleh dilakukan mengikut keperluan MyCC.		
4.7	Sistem aplikasi perakaunan dan kewangan berupaya untuk membuat proses aliran kerja dalam talian ( <i>online workflow</i> ) bermula dari peringkat penyediaan sehingga kelulusan.		
4.8	Sistem aplikasi perakaunan dan kewangan mempunyai kemudahan pembayaran dan terimaan secara elektronik.		
4.9	Sistem aplikasi perakaunan dan kewangan berupaya membuat penyesuaian bank melalui penyata bank yang dimuat naik.		
4.10	Sistem aplikasi perakaunan dan kewangan berupaya untuk menjana dan mencetak Penyata Kewangan yang lengkap dan laporan yang diperlukan pada bila-bila masa.		
4.11	Data boleh diekstrak daripada pangkalan data bagi tujuan pengauditan.		
4.12	Sistem aplikasi perakaunan dan kewangan berupaya untuk menyimpan data dan jejak audit bagi tempoh sekurang-kurangnya 2 tahun.		

BIL.	KETERANGAN SPESIFIKASI	PEMATUHAN (YA/TIDAK)	CADANGAN PENYEBUT HARGA (SILA PERINCIKAN)  Cth: Ambil Maklum, Memahami, Bersetuju, Seperti Dinyatakan
5.0	<b>SKOP KERJA - CIRI-CIRI KESELAMATAN (KRITERIA TEKNIKAL)</b>		
5.1	Sistem aplikasi perakaunan dan kewangan mempunyai Pentadbiran Profil Keselamatan Pengguna merangkumi hak dan had penggunaan sistem, surat lantikan pentadbir sistem dan <i>Standard Operating Procedure (SOP)</i> .		
5.2	Sistem aplikasi perakaunan dan kewangan mempunyai jejak audit bagi merekod semua aktiviti pengguna yang merangkumi ID pengguna, modul yang diakses serta tarikh dan masa bagi setiap aktiviti termasuk log masuk dan log keluar.		
5.3	Sistem aplikasi perakaunan dan kewangan mempunyai sistem log bagi merekodkan semua aktiviti capaian di server aplikasi dan pangkalan data.		
5.4	Sistem aplikasi perakaunan dan kewangan menggunakan kaedah penyulitan (encryption) dan penyahsulitan (decryption) data bagi pemindahan data secara elektronik kepada/ daripada sistem pihak ketiga.		
5.5	Sistem aplikasi perakaunan dan kewangan mestilah mempunyai ciri-ciri keselamatan berpandukan kepada Arahan Keselamatan, Arahan Teknologi Maklumat dan Dasar Keselamatan ICT yang berkuatkuasa dalam penyediaan rangkaian (LAN/WAN) serta infrastruktur ICT di Pusat Data dan Pusat Pemulihan Bencana.		

BIL.	KETERANGAN SPESIFIKASI	PEMATUHAN (YA/TIDAK)	CADANGAN PENYEBUT HARGA (SILA PERINCIKAN)  Cth: Ambil Maklum, Memahami, Bersetuju, Seperti Dinyatakan
5.6	Sistem aplikasi perakaunan dan kewangan mempunyai keupayaan untuk menamatkan aplikasi secara automatik ( <i>auto logoff</i> ) bagi pengguna tidak aktif ( <i>idle</i> ) selepas suatu tempoh masa yang ditetapkan.		
5.7	Aplikasi dan data bagi sistem perakaunan dan kewangan dibuat salinan pendua (backup) secara berkala dan pengujian <i>restore</i> dilaksanakan sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun serta didokumenkan. <i>Standard Operating Procedure</i> (SOP) hendaklah mengambil kira pengendalian keselamatan ke atas media sandaran pendua meliputi penyediaan, penghantaran, penyimpanan, penggunaan dan pelupusan termasuk data yang direplikasikan ke Pusat Pemulihan Bencana.		
5.8	Agensi Kerajaan mempunyai Pelan Pemulihan Bencana (DRP) bagi sistem aplikasi perakaunan dan kewangan, melaksanakan simulasi dan mengemas kini pelan sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun serta didokumenkan. DRP hendaklah selari dengan Pelan Kesinambungan Perkhidmatan (PKP) Agensi Kerajaan (sekiranya ada).		

BIL.	KETERANGAN SPESIFIKASI	PEMATUHAN (YA/TIDAK)	CADANGAN PENYEBUT HARGA (SILA PERINCIKAN)  Cth: Ambil Maklum, Memahami, Bersetuju, Seperti Dinyatakan
6.0	<b>SKOP KERJA KHUSUS - MODUL SISTEM APLIKASI PERAKAUNAN DAN KEWANGAN</b>		
6.1	1) <i>Budgetary Control;</i> 2) <i>Purchasing;</i> 3) <i>General Ledger;</i> 4) <i>Account Payable;</i> 5) <i>Account Receivable;</i> 6) <i>Cash Management;</i> 7) <i>Asset and Inventory Management;</i> 8) <i>Payroll;</i> 9) <i>Investment;</i> 10) <i>Deposit &amp; Trust;</i> 11) <i>Management Dashboard;</i> 12) <i>User Security Control</i>		
7.0	<b>SKOP KERJA KHUSUS - MODUL DAN SUB-MODUL</b>		
7.1	<p><b><i>Budgetary Control Process :-</i></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ <i>Budget Code Creation</i></li> <li>➤ <i>Budget Yearly Allocation</i></li> <li>➤ <i>Budget Supplement</i></li> <li>➤ <i>Virement</i></li> <li>➤ <i>Adjustment</i></li> </ul> <p><b><i>Enquiry :-</i></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ <i>Transaction enquiry</i></li> </ul> <p><b><i>Report :-</i></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ <i>Vote Book Report</i></li> <li>➤ <i>Transaction Detail Report</i></li> </ul>		
7.2	<p><b><i>Purchasing Process :-</i></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ <i>Purchase Requisition</i></li> <li>➤ <i>Purchase Order</i></li> <li>➤ <i>Purchase Order Cancellation</i></li> </ul> <p><b><i>Enquiry :-</i></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ <i>Transaction enquiry</i></li> </ul> <p><b><i>Report :-</i></b></p>		

BIL.	KETERANGAN SPESIFIKASI	PEMATUHAN (YA/TIDAK)	CADANGAN PENYEBUT HARGA (SILA PERINCIKAN)  Cth: Ambil Maklum, Memahami, Bersetuju, Seperti Dinyatakan
	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ <i>Purchase Requisition Listing</i></li> <li>➤ <i>Purchase Order Listing</i></li> <li>➤ <i>Purchase Order Status</i></li> </ul>		
7.3	<p><b>General Ledger</b></p> <p><b>Process :-</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ <i>Chart of Account Generation</i></li> <li>➤ <i>Journal Preparation</i></li> <li>➤ <i>Audit Adjustment</i></li> </ul> <p><b>Enquiry :-</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ <i>Transaction enquiry</i></li> </ul> <p><b>Report :-</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ <i>Year To Date Trial Balance</i></li> <li>➤ <i>Month To Date Trail Balance</i></li> <li>➤ <i>Statement of Financial Position</i></li> <li>➤ <i>Statement of Comprehensive Income</i></li> <li>➤ <i>Statement of Cash Flows</i></li> <li>➤ <i>Statement of Changes In Equity</i></li> <li>➤ <i>General Ledger Report</i></li> <li>➤ <i>Transaction Detail Report</i></li> </ul>		
7.4	<p><b>Accounts Payable</b></p> <p><b>Process :-</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ <i>Supplier Registration</i></li> <li>➤ <i>Invoice Register</i></li> <li>➤ <i>Credit Note Register</i></li> <li>➤ <i>Debit Note Register</i></li> <li>➤ <i>Payment Processing</i></li> <li>➤ <i>EFT Generation/Cheque Printing</i></li> <li>➤ <i>EFT Notification</i></li> <li>➤ <i>Invoice Cancellation</i></li> <li>➤ <i>Payment Cancellation</i></li> <li>➤ <i>Recurring Invoice</i></li> </ul> <p><b>Enquiry :-</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ <i>Transaction enquiry</i></li> <li>➤ <i>Payment Enquiry</i></li> </ul>		

